

# **Keberkesanan Iqra' Sebagai Kaedah Pembelajaran Membaca Al-Quran**

oleh

**Mohd Alwi Yusoff**

**Dr Adel M Abdulaziz**

**Ahmad Kamel Mohamed**

Kolej Universiti Islam Malaysia

## **ABSTRAK**

*Kaedah Iqra' adalah suatu kaedah pengajaran membaca al-Quran yang disusun sebagai usaha mengadaptasi kaedah lama (Baghdadi) agar dapat tercapai tujuan belajar membaca al-Quran dalam waktu singkat dan cepat. Kajian ini bertujuan untuk melihat keberkesanan kaedah Iqra' sebagai kaedah pembelajaran membaca al-Quran di sekolah-sekolah di Malaysia. Kajian ini dilakukan di 27 buah sekolah di beberapa buah negeri di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia dan 6 buah sekolah agama swasta. Walaupun kaedah ini telah berjalan selama lebih 10 tahun di Malaysia dan sebahagian negara Asia Tenggara akan tetapi sehingga sekarang belum ada lagi kajian tentang keberkesanan kaedah ini terutama pelaksanaannya di sekolah-sekolah kebangsaan di Malaysia. Sepanjang pengamatan melalui kajian lapangan yang dilakukan di sekolah-sekolah yang dilawati juga melalui temuramah-temuramah dan soal selidik yang diadakan dengan pihak-pihak yang terbabit seperti penyelia, guru, pakar dan murid, telah menghasilkan beberapa keputusan. Hasil dari kajian yang dilakukan, kaedah Iqra' pada umumnya memberi kesan baik terhadap pencapaian pembelajaran al-Quran di sekolah-sekolah kebangsaan di Malaysia sebagai satu kaedah alternatif. Cuma ada beberapa kelemahan dari sudut pelaksanaannya yang mana kalau dapat diatasi, maka ia boleh meningkatkan lagi keberkesanannya.*

## **PENDAHULUAN**

Sejak Islam masuk ke Tanah Melayu, masyarakat Melayu mula menambah ilmu pengetahuan dengan mendalami dan memahami ilmu-ilmu Islam secara beramai-ramai atau bersendirian untuk menunaikan kewajipan agama Islam yang suci.

Memandangkan al-Quran al-Karim merupakan Kalam Allah Taala yang terbina di atas kebenaran dan sebagai sumber utama Syariah Islam, maka antara perkara utama yang difokuskan secara bersungguh-sungguh ialah belajar dan mengajar al-Quran. Ia seiring dengan sabda Rasulullah s.a.w :

(عَنْ أَبِي سَعِيدِ الْخُدْرِيِّ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ "يَقُولُ  
الرَّبُّ تَبَارَكَ وَتَعَالَى: مَنْ شَغَلَهُ الْقُرْآنُ عَنْ مَسْأَلَتِي أَعْطَيْتُهُ أَفْضَلَ مَا أَعْطَيْتُ السَّائِلِينَ،  
وَفَضْلُ كَلَامِ اللَّهِ تَعَالَى عَلَى سَائِرِ الْكَلَامِ كَفْضُلُ اللَّهِ عَلَى خَلْقِهِ")

Yang bermaksud:

*Dari pada Abu Said al-Khudri ra dia berkata, Rasulullah s.a.w bersabda, Allah Taala berkata, "sesiapa yang disibukkan dirinya dengan al-Quran dari meminta-minta kepadaku, maka Aku akan berikan kepadanya sebaik-baik perkara yang aku berikan*

*kepada orang yang meminta kepadaKu, kelebihan Kalam Allah Taala di atas segala kalam (percakapan) sama seperti kelebihan zat Allah di atas segala makhluknya”.*  
(Diriwayatkan oleh al-Tirmizi dan al-Darimi)

Dan sabda Rasulullah s.a.w :

(خيركم من تعلم القرآن و علمه)

Maksudnya:

*“Sebaik-baik kamu ialah orang yang mempelajari al-Quran dan mengajarkannya”.*  
(diriwayatkan oleh Bukhari)

Ulama telah menggunakan pelbagai cara dalam mengajar al-Quran. Sebahagian besarnya terdiri daripada ulama-ulama Melayu yang belajar di Timur Tengah seperti Mesir dan Arab Saudi dan juga melalui ulama-ulama dan pedagang-pedagang arab yang berhijrah ke Tanah Melayu.

Perlu dinyatakan di sini bahawa peranan ulama-ulama Melayu tidak terhenti pada tahap mengikut dan melaksanakan cara-cara yang dibawa dari luar itu tadi, bahkan peranan mereka lebih dari itu iaitu dengan mencipta dan mengembangkan kaedah yang baru. Pondok-pondok pengajian yang menjadi tempat pengeluar ulama dan pendakwah memberi saham yang besar dalam perkara ini.

Antara kaedah yang termasyhur di Malaysia sebagai cara pengajaran tilawah al-Quran semenjak dahulu lagi ialah kaedah Baghdadi (cara mengeja). Asas utama kaedah ini amat bergantung kepada peranan guru dalam mengajar. Melalui kaedah ini para pelajar akan melalui 3 peringkat dalam mempelajari al-Qurannya :

- 1) Peringkat mengenal huruf.
- 2) Peringkat mengenal baris.
- 3) Peringkat mengenal bunyi yakni membunyikan baris.

Di zaman mutakhir ini berbagai kaedah yang muncul dalam pengajaran al-Quran yang banyak menitip beratkan kecepatan dan kemahiran. Masing-masing bersaing dalam menarik minat masyarakat untuk mempelajari al-Quran yang kesemuanya menjurus kepada satu matlamat iaitu untuk membolehkan umat Islam mampu membaca al-Quran dengan betul. Antara kaedah yang termasyhur dan tersebar luas terutamanya di sebelah rantau Asia Tenggara ialah kaedah **IQRA'**. Sejak kaedah ini yang di perkenalkan oleh al-Marhum As'ad Humam pada tahun 1988 di Indonesia, ianya telah mendapat sambutan hangat di tengah-tengah suasana ilmu di kepulauan Melayu dan tersebar di negara-negara yang berdekatan termasuklah negara Malaysia pada tahun 1992 dan dikembangkan selepas tempoh percubaan pertama selama lebih kurang 6 bulan di beberapa buah sekolah di Malaysia.

Di Malaysia, tanggung jawab dalam pengajaran al-Quran tidak hanya dilepaskan kepada masyarakat begitu sahaja bahkan kerajaan melalui Kementerian Pendidikan memainkan peranan yang penting dan memberi sumbangan yang besar dalam hal ini. Kementerian Pendidikan telah menetapkan pengajaran tilawah al-Quran tahun satu sekolah-sekolah kebangsaan pada sesi persekolahan 1995 dengan menggunakan kaedah Iqra'. Murid tahun satu dikehendaki memiliki buku kaedah Iqra' dan mengikuti kelas kemahiran al-Quran sepanjang enam bulan pertama persekolahan.

Kaedah Iqra' dikenal pasti sebagai antara kaedah yang dapat membantu mempercepatkan kanak-kanak menguasai kemahiran membaca al-Quran dengan baik. Unit Pendidikan Islam dan Moral di Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan dengan kerjasama Majlis Kegiatan Dakwah Islamiyah Sekolah-sekolah Persekutuan (MAKDIS) telah berusaha menerbitkan modul pengajaran Iqra'. Modul ini adalah satu contoh panduan untuk kegunaan guru menjalankan aktiviti pengajaran dan pembelajaran al-Quran dalam kelas. Ianya diatur begitu rupa dengan mengambil kira keupayaan dan

kemampuan murid menguasai asas kemahiran seperti mengenal, menyebut, mengeja, membaca dan menulis dan pelbagai aktiviti yang dapat menarik minat murid sepanjang tempoh enam bulan pertama bagi sesi persekolahan setiap tahun.

Modul ini berpandukan kepada sukatan pelajaran dan huraian sukatan pelajaran tilawah al-Quran, disamping menggariskan panduan kepada guru langkah-langkah pengajaran dengan menitikberatkan kemahiran-kemahiran yang harus dicapai oleh murid. Modul mengandungi isi pelajaran, objektif, set induksi, aktiviti, media dan langkah-langkah pengajaran mengikut agihan waktu pengajaran sepanjang enam bulan serta kerja-kerja susulan dan latihan-latihan bagi menguji keberkesanan pembelajaran yang dikuasai murid.

Kaedah Iqra' melalui tempoh percubaan yang lama, bertujuan untuk mengajar membaca al-Quran al-Karim dalam tempoh singkat yang dikatakan tidak lebih dari 6 bulan. Dari segi teorinya kita melihat ia memang tempoh yang singkat berbanding tempoh yang dilalui oleh para pelajar melalui kaedah lain seperti Baghdadi untuk mengenal al-Quran. Persoalan yang timbul di sini adakah para pelajar benar-benar mampu membaca al-Quran dalam tempoh yang ditentukan itu dan adakah kaedah ini berjaya mencapai objektifnya ?

Kajian ini bertujuan untuk melihat keberkesanan kaedah Iqra' sebagai kaedah pembelajaran membaca al-Quran di sekolah-sekolah di Malaysia. Kajian dilakukan di 27 buah sekolah di beberapa buah negeri di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia dan 6 buah sekolah agama swasta. Walaupun kaedah ini telah berjalan selama lebih 10 tahun di Malaysia dan sebahagian negara Asia Tenggara akan tetapi sehingga sekarang belum ada lagi kajian tentang keberkesanan kaedah ini terutama pelaksanaannya di sekolah-sekolah kebangsaan di Malaysia. Sepanjang pengamatan melalui kajian lapangan yang dilakukan di sekolah-sekolah yang dilawati, melalui temuramah-temuramah dan juga soal selidik yang diadakan dengan pihak-pihak yang terbabit seperti penyelia, guru, pakar dan murid, telah menghasilkan beberapa keputusan.

### **PENGENALAN RINGKAS KAEDAH IQRA'**

Kaedah Iqra' adalah suatu kaedah pengajaran membaca al-Quran yang disusun sebagai usaha mengadaptasi/mengubah-suai kaedah lama (Baghdadi) agar dapat tercapai tujuan belajar membaca al-Quran dalam waktu singkat dan cepat. Kaedah ini disusun oleh al-Marhum Ustaz Hj Asad Humam (Pengarah Kumpulan Tadarus Angkatan Muda Masjid dan Musholla Yogyakarta) berdasarkan pengalaman mengajar al-Quran sejak tahun 1950 dan melalui percubaan dan penyelidikan yang mendalam.

Setelah lama menggunakan kaedah Baghdadi, ia kemudian beralih menggunakan kaedah Qira'ati selama tiga tahun. Di sini ia menemui beberapa perkara yang masih perlu disempurnakan untuk kepentingan para pelajarnya. Sayang sekali, pihak penyusun Qira'ati kurang memberi sambutan dan berpegang kukuh dengan cara yang sudah disusunnya. Atas dasar itu, setelah tidak berjaya mengadakan penyempurnaan, ia menyusun sendiri dan sekaligus menuangkan gagasannya yang dianggapnya lebih baik. Penyusunan huraianya hampir tidak berbeza dengan Qira'ati. ( Usep Fathudin, 1994: 3 )

Pada mulanya kaedah Iqra' ini digunakan dalam Majlis Tadarrus Remaja di Wilayah Yogyakarta dan sekitarnya yang diadakan di masjid-masjid dan musalla seminggu sekali. Lebih 600 Majlis Tadarrus Remaja berjaya ditubuhkan yang kemudiannya dikembangkan oleh aktivis Tadarrus Remaja ini dengan membimbing anak-anak pengajian di kelompok masing-masing dan terbukti ramai

kanak-kanak yang berusia 6 tahun yang mengikuti program ini telah mampu membaca al-Qur'an. ( H. Muhammad Jazir ASP, 1994:17 )

Dengan kejayaan yang dicapai, kaedah Iqra' telah tersebar luas ke seluruh Indonesia. Berbagai badan dakwah dan organisasi Islam serta organisasi kerajaan mengendalikan kursus kaedah Iqra'. Kejayaan tersebut menarik minat negara-negara jiran seperti Malaysia, Singapura dan Brunei Darussalam mengambil manfaat dengan kaedah Iqra' ini. Bahkan di Malaysia kaedah Iqra' dijadikan kaedah pengajaran di sekolah-sekolah rendah di seluruh negara. Majlis Ugama Islam Singapura (MUIS), menggunakan kaedah Iqra' ini di beberapa Madrasah dalam pendidikan agamanya. Di Arab Saudi, Emirat Arab, Filipina, Thailand telah pula dirintis penggunaan kaedah Iqra' ini untuk mengatasi masalah buta huruf Al-Quran.

### **CIRI-CIRI DAN SIFAT KAEDEAH IQRA'**

Ustaz Mohd.Mukri Hj Abdullah, bekas pegawai di Kementerian Pendidikan Malaysia, salah seorang yang bertanggung jawab dalam pelaksanaan kaedah ini di Malaysia telah menjelaskan sifat-sifat Iqra' sebagaimana yang dinyatakan oleh penyusunnya, dalam kajian yang dibentangkan di Seminar Kaedah Membaca Al-Quran Yang Mudah di Negara Brunei Darussalam 1994. Ciri-ciri tersebut ialah:

#### **1-Bacaan Terus ( Tanpa analisa dan dieja)**

Murid tidak diperkenalkan terlebih dahulu kepada nama-nama huruf Hijaiyah dan tanda - tanda bacaan. Mereka terus diperkenalkan bunyi satu-satu huruf dengan menggunakan bahan pengajaran.

#### **2- Penggunaan Teks Tertentu.**

Pengajaran dan pembelajaran menggunakan satu set buku yang mengandungi 6 juzuk/naskah. Murid menggunakan mengikut tahap masing-masing bermula dari juzuk pertama. Disusun secara berjilid dengan kulit buku berwarna-warni yang harmoni sehingga menarik minat. Ianya juga untuk tidak menimbulkan rasa jemu

#### **3- Teknik Pengajaran Cara Belajar Murid Aktif (CBMA)**

Yang belajar adalah murid, bukan gurunya, jadi setelah guru menerangkan pokok pengajaran dan murid sudah jelas mengulangi beberapa kali (Talaqqi Musyafahah), maka murid disuruh membaca sendiri bahan berikutnya.

#### **4- Talaqqi Musyafahah.**

Dalam mempelajari bacaan Al-Quran murid mesti berhadapan secara langsung dengan gurunya. Faktor ini sangat ditekankan supaya murid tahu betul bagaimana makhraj dan sifat-sifat huruf yang sebenarnya.

#### **5- Tahap Berdasarkan Pencapaian Individu.**

Tahap pencapaian dan kelajuan murid dalam mengikut bahan pengajarannya yang siap adalah bergantung kepada kecekapan individu murid dan peranan gurunya. Untuk penilaian dan pengesahan, rekod prestasi perlu disediakan seperti yang dicadangkan.

#### **6- Tenaga Pembimbing/Pembantu.**

Seorang guru membimbing lima hingga enam orang murid dalam satu masa. Jika keadaan memerlukan guru boleh mengambil murid tertentu untuk menjadi pembantu dan penyemak bagi murid lain di peringkat bawah.

#### **7- Praktis.**

Tujuan kaedah dibentuk adalah supaya murid dengan cepat dan mudah dapat membaca Al-Quran. Soal teori dan ilmiah tajwid tidak diajar tetapi mempraktikkan sebutannya.

#### **8- Sistematik.**

Disusun secara lengkap, sempurna dan terancang dengan bentuk huruf dan reka letak yang seimbang. Bermula daripada mengenalkan huruf-huruf pelbagai baris peringkat demi peringkat sehingga ke peringkat ayat yang bermakna. Kerana prosesnya yang bersifat evolusi, maka ianya terasa mudah.

#### **9-Komunikatif.**

Lingkaran petunjuk dan pengenalan adalah akrab dengan pembaca sehingga dapat menyeronokkan mereka yang mempelajarinya. Disusun dalam bahasa melayu yang mudah difahami, sehingga ianya lebih berkesan. Selain itu, sejak awal-awal lagi sudah diperkenalkan pelajaran secara berirama ( mad= panjang dan tanpa mad= pendek) sehingga terasa seronok dalam membaca dan mendengarnya.

#### **10- Kelenturan Dan Mudah.**

Buku boleh dipelajari oleh sesiapa, bermula daripada kalangan kanak-kanak usia pra-sekolah, sekolah rendah, sekolah menengah bahkan orang-orang dewasa mahupun para ibu bapa yang belum mahir membaca Al-Quran dapat mengajarkannya. Malah murid yang baru sahaja tamat jilid 2 atau 3 boleh mengajar murid yang masih diperingkat jilid 1. Ianya dapat menambahkan keseronokan dan suasana belajar dan mengajar.

Hasil daripada kajian lapangan semasa kami melakukan lawatan di sekolah-sekolah, boleh ditambah ciri-ciri yang lain bagi kaedah ini, iaitu :

**1. Menanam sifat keyakinan diri pada murid dan membina kemahiran dan kepimpinan.** Ini dilakukan dengan murid yang pandai mengajar kumpulan murid yang lemah. Cara ini mendidik kemahiran memimpin dan mempunyai sikap bertanggung jawab. Murid yang lemah juga lama kelamaan akan berusaha supaya ia dapat menjadi seperti murid yang pandai.

**2. Kaedah ini juga boleh menambah perbendaharaan bahasa dengan cepat** samaada huruf atau perkataan dengan cara menyambung huruf-huruf dengan yang lain dan membentuk tulisannya. Ini satu tahap yang paling susah yang perlu dilalui oleh murid dalam mempelajari bahasa Arab secara umumnya dan mempelajari bacaan al-Quran secara khususnya. Melalui kaedah ini, dapat memberi peluang untuk murid mengumpulkan perbendaharaan kata melalui hafalan huruf dan perkataan dan membacanya dengan cara yang betul.

### **MASALAH-MASALAH YANG DIHADAPI OLEH GURU DAN PENYELESAIAN YANG DIKEMUKAKAN OLEH MEREKA.**

Hasil soal selidik menyatakan bahawa perlunya ada hubungan yang baik di antara guru dan cara pengajaran dalam bidang mengajar membaca al-Quran mengikut kaedah Iqra' iaitu guru perlu memahami dan menghayati betul-betul kaedah ini dan juga ada kelenturan dalam penggunaan cara mengajar yang digariskan mengikut keadaan dan keperluan walaupun tiada panduan dan arahan khusus kepada guru.

Didapati 29 % sahaja dari guru-guru di sekolah yang dilawati di negeri-negeri, mempunyai rancangan harian terutama yang membabitkan pengajaran Iqra' dalam bilik darjah. Ini berlaku disebabkan kurangnya pendedahan guru terhadap cara mengajar yang sebenar dan betul bagi kaedah Iqra'.

Hanya 35 % sahaja guru-guru yang ditemui, pernah menerima latihan dan menghadiri kursus dalam melaksanakan cara pengajaran kaedah Iqra'. Sebahagian besar guru tidak pernah mengikuti kursus. Mereka hanya bergantung kepada panduan yang tercatat dalam buku Iqra'.

Di negeri Pahang dan Perak mencapai 99 % guru-guru yang betul-betul mengikut cara pengajaran Iqra' dan menggunakan tempoh masa seperti yang ditetapkan. Ia disebabkan oleh pemantauan yang kuat oleh pihak berkenaan dan pendedahan yang cukup kepada guru-guru.

Hasil daripada soal selidik yang dijalankan guru ada mengemukakan beberapa masalah yang dihadapi oleh mereka dalam mengajar kaedah Iqra' sebagaimana berikut:

- 1. Tidak ada buku panduan khusus yang menerangkan cara pengajaran al-Quran mengikut kaedah Iqra'.**
- 2. Tidak ada kursus-kursus intensif yang berterusan kepada guru-guru.**
- 3. Bilangan murid yang ramai dalam satu bilik darjah.**
- 4. Tempoh masa yang singkat iaitu enam bulan tidak mencukupi untuk mengajar kaedah ini.**
- 5. Perbezaan cara pengajaran al-Quran diantara sekolah dan rumah.**
- 6. Tidak ada buku yang khusus untuk latihan harian dan bulanan.**
- 7. Kurangnya aktiviti sampingan dalam pengajaran al-Quran.**
- 8. Tidak ada pengawasan pihak berkaitan terhadap buku-buku yang diedarkan di sekolah-sekolah.**
- 9. Naskah buku Iqra' yang digunakan tidak mempunyai tarikan-tarikan yang dapat menarik perhatian murid seperti warna-warna dan lain-lain.**

Dari masalah-masalah yang disebut tadi masalah yang paling penting yang dihadapi oleh guru-guru ialah ketiadaan buku panduan yang khusus berkaitan dengan cara mengajar kaedah Iqra'. Dengan hanya bergantung kepada catatan panduan yang terdapat di dalam buku Iqra, ia tidak memadai dan tidak menyatakan secara jelas cara pengajaran. Pihak Unit Pendidikan Islam dan Moral, Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan telah mengambil satu langkah yang baik dalam hal ini dengan menerbitkan buku panduan akan tetapi buku tersebut tidak tersebar ke negeri-negeri lain untuk dimanfaatkan bersama.

Mengenai buku latihan khusus tentang pengajaran al-Quran, ada di sesetengah negeri telah mengambil inisiatif sendiri dalam menyediakan buku latihan sebagaimana yang dilakukan di negeri Kelantan pada tahun 1994 tetapi ia tidak ada daya tarikan yang boleh menarik minat murid seperti warna-warni dan lain-lain. Kebanyakan guru menyediakan latihan-latihan untuk pengajaran al-Quran atas inisiatif sendiri. Banyak contoh-contoh soalan latihan yang diambil dari sekolah-sekolah yang dilawati yang kebanyakannya dalam bentuk cetakan kertas pendua ataupun fotostat.

## RUMUSAN DAN CADANGAN

- 1- Kementerian Pendidikan perlu mengumpulkan maklumat dengan menggunakan borang kaji selidik/laporan tentang tahap pencapaian mata pelajaran al-Quran setiap tahun dan memastikan semua sekolah mengisi borang tersebut.
- 2- Kementerian Pendidikan disyorkan supaya memberi kesedaran kepada ibu bapa tentang pentingnya pendidikan kanak-kanak peringkat awal sebelum memasuki alam persekolahan.
- 3- Mewujudkan kursus cara mengajar al-Quran di peringkat pengajian tinggi seperti di universiti terutamanya untuk pelajar dalam jurusan Pengajian Islam disamping

- mempertingkatkan lagi kursus yang diberi kepada guru pelatih di Maktab-Maktab Perguruan.
- 4- Mengadakan program latihan berterusan bagi guru al-Quran diperingkat rendah sebelum dan ketika dalam perkhidmatan.yang mana asas-asas perancangannya merangkumi peraturan dan perundangan.
  - 5- Melantik lebih ramai penyelia yang berkelayakan untuk memantau pelaksanaan kaedah Iqra' dan dihantar ke lebih banyak buah sekolah.
  - 6- Mewujudkan kaedah penilaian bersepada yang berkesan dalam melakukan penilaian terhadap pencapaian murid secara keseluruhan.
  - 7- Menerbitkan buku panduan yang khusus berkaitan dengan cara mengajar kaedah Iqra' dan diedarkan kepada semua guru di seluruh negara.
  - 8- Menganjurkan kursus-kursus mengenai teknik mengajar al-Quran mengikut kaedah Iqra' kepada guru-guru dan menganjurkan seminar tahunan di peringkat negeri dengan menjemput para guru dan ibu bapa sebagai peserta. Resolusi dari seminar ini dikemukakan kepada pihak Kementerian Pendidikan untuk tindakan selanjutnya.
  - 9- Menggalakkan ibu bapa supaya tidak menggunakan kaedah lain dalam mengajar anak-anak mereka di rumah selain dari kaedah Iqra' yang digunakan di sekolah-sekolah dengan menjelaskan kekeliruan yang akan berlaku kepada anak-anak sekiranya berlaku demikian. Anak-anak juga perlu diajak berbincang mengenai pendidikan mereka.
  - 10- Mempelbagaikan cara pengajaran dengan penggunaan teknik-teknik terkini seperti penggunaan komputer, multi media dan sebagainya.
  - 11- Dilakukan kajian dan peyelidikan yang berkait dengan kaedah-kaedah pengajaran al-Quran di Malaysia dengan membuat perbandingan dan penilaian seterusnya mencapai hasil yang diinginkan.

## **KESIMPULAN**

1. Hasil kajian menunjukkan sikap ambil berat guru dalam menggunakan teknik dan bahan pengajaran tambahan di dalam bilik darjah di mana mereka ternyata banyak bergantung kepada penggunaan papan hitam, kad dan buku sukatan yang dibawa oleh murid.
2. Tahap kelayakan guru-guru dan pengalaman mereka secara umumnya boleh diterima, khususnya dalam keadaan ketiadaan mana-mana institusi yang memfokuskan cara pengajaran al-Quran di negara ini. Cuma apa yang berlaku, tidak ada peningkatan dan perubahan tahap penyampaian guru dalam mengajar al-Quran dengan kaedah Iqra'. Ini disebabkan oleh:
  - a) Kurangnya kursus dan latihan.
  - b) Kelemahan dalam mengawasi pelaksanaan.
  - c) Harapan pihak pentadbir dan ibu bapa menjadi tekanan kepada guru.
  - d) Terlalu banyak bilangan jam mengajar dalam seminggu dibebani kepada seorang guru.
3. Kekurangan yang nyata bilangan penyelia yang mengawasi pelaksanaan pengajaran al-Quran. Terdapat juga sekolah yang tidak ada langsung penyeliaan. Peranan penyelia amat penting sebagaimana yang diharapkan oleh guru untuk memantau dan memberi panduan terutama kepada guru-guru baru. Penyelia pula perlu sentiasa meningkatkan keupayaan.
4. Berdasarkan hasil kajian mendapati bahawa pelajar tahun satu yang pernah memasuki sekolah tadika yang menggunakan kaedah Iqra' atau Qira'ati, tahap pencapaian mereka lebih baik daripada pelajar yang tidak memasuki sekolah tadika.
5. Keberkesanan kaedah ini banyak bergantung kepada peranan pentadbir sekolah terutamanya guru besar dan komitmen guru-guru.

6. Media massa samada bercetak ataupun elektronik memainkan peranan penting dalam menyebarkan memperkenalkan kaedah ini kepada masyarakat.

Berdasarkan soal selidik yang dijalankan, kaedah ini pada umumnya memberi kesan baik terhadap pencapaian pengajaran al-Quran di sekolah-sekolah rendah kebangsaan Cuma terdapat beberapa perkara yang mana sekiranya dapat diatasi, nescaya akan lebih meningkatkan lagi tahap kejayaannya dari 85 % ke 95% seperti masalah jumlah pelajar yang terlalu ramai dalam satu bilik darjah.

Kaedah ini dikhususkan pembelajarannya pada bilangan murid di antara 10-15 orang murid sahaja atau paling banyak 20 orang murid tetapi yang berlaku di sekolah-sekolah didapati murid melebihi bilangan yang sepatutnya sehingga 25-40 murid. Masalah ini diatasi dengan membahagikan pelajar kepada beberapa kumpulan yang dipimpin oleh seorang murid yang pandai di bawah pengawasan guru. Walaupun begitu ia menjaskankan juga keberkesanannya.

Masalah lain ialah penggunaan buku kaedah Iqra' yang tidak menggunakan Rasm Uthmani yang dicetak di Indonesia yang digunakan juga di beberapa buah sekolah di Malaysia,. Masalah ini diatasi dengan cetakan baru di Malaysia yang sepenuhnya menggunakan Rasm Uthman.

Secara umumnya kaedah Iqra' memang berkesan dan dapat mencapai objektif yang ditetapkan sekiranya mengikut arahan dan sukatan sebagaimana yang dikehendaki .

## PENUTUP

Dari pemerhatian tahap-tahap yang dilalui oleh kaedah ini semenjak mula di asas oleh almarhum Ustaz As'ad Humam di Indonesia dan setelah berpindah ke Malaysia, Singapura, Brunei dan lain-lain negara dan juga apa yang diperkatakan oleh pakar-pakar dan pihak media serta apa yang didapati dari kajian lapangan telah menegaskan kepada kita bahawa kaedah ini boleh dianggap sebagai antara satu kaedah yang terkini dan termaju dalam proses pengajaran dan pembelajaran al-Quran. Kajian ini memaparkan aspek-aspek penting yang asas bagi kaedah ini dan masalah-masalah yang dihadapi dalam mencapai objektifnya iaitu **kecepatan dan ketepatan**.

Berdasarkan kepada kaedah ilmiah dalam pengajaran al-Quran, kaedah Iqra' boleh dianggap antara kaedah yang paling berjaya. Kumpulan penyelidik yang mengadakan lawatan ke sekolah-sekolah yang menjadi sampel telah mendapati kejayaan kaedah ini. Walaupun begitu ada beberapa perkara yang menghalang kemajuan yang lebih besar iaitu guru memerlukan lebih perhatian, kesedaran dan latihan disamping cadangan-cadangan yang dikeluarkan oleh kajian ini. Hasil kajian diharap dapat memberi manfaat kepada pihak-pihak berkaitan terutama yang terlibat dengan pengajaran al-Quran al-Karim.

## **RUJUKAN**

- Hj Mohd Yusof Hj Zuhri. 1994. “Pengajaran dan Pembelajaran Membaca Al-Quran: Pengalaman Singapura”. (Kertas kerja). Seminar Kaedah Membaca al-Quran yang mudah, Bandar Seri Begawan Brunei Darussalam. 22-25 Julai.
- H. Muhammad Jazir ASP. 1994. “*Iqra’ Cara Cepat Belajar Membaca Al-Quran*”.(Kertas kerja). Seminar Kaedah Membaca al-Quran Yang Mudah, Bandar Seri Begawan Brunei Darussalam. 22-25 Julai.
- Muhammad Mukri Hj Abdullah. “*Kaedah Pengajaran Mengajar al-Quran Yang Berkesan*”. Kaedah Atiyyah Qabil Nasr- Ghayat al-Murid Fi Ilm al-Tajwid.
- Usep Fathudin. 1994. “*Metode Belajar Membaca Al-Quran Secara Cepat Di Indonesia*”.(Kertas kerja). Seminar Kaedah Membaca al-Quran Yang Mudah, Bandar Seri Begawan Brunei Darussalam. 22-25 Julai.
- Unit Pendidikan Islam dan Moral, Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. *Modul Pengajaran Kaedah*. Pustaka Salam Sdn Bhd.

## LAMPIRAN

### ANTARA MAKLUM BALAS GURU TERHADAP SOALAN YANG DIBERIKAN

#### 1. Syarat-syarat yang perlu ada pada seorang guru yang mengajar kaedah Iqra':

1. persiapkan diri fizikal dan mental, sabar dan bersungguh-sungguh.
2. punya keyakinan dan kesungguhan dan memiliki sebutan makhraj yang betul, berminat dan berdisiplin.
3. memahami dan menghayati benar-benar kaedah IQRA'
4. ilmu yang cukup dan diberi latihan dan pendedahan berterusan.
5. guru terlatih peka pada murid
6. kreatif dan inovatif
7. Mengajar secara ikhlas
8. Memiliki ciri seorang pendidik
9. Kasih sayang kepada ilmu dan pelajar.
10. Pandai menggunakan ABM dalam pengajaran.

#### 2. Ciri-ciri keistimewaan kaedah Iqra':

1. pelajar cepat pandai
2. pelajar senang faham dan cepat dapat.
3. mudah mengingati huruf dan kalimah.
4. mudah mengingati dalam masa yang singkat.
5. mengenal bunyi tanpa mengeja.
6. dapat menyebut dengan cepat.
7. berkelompok mengikut IQ murid.
8. latih tubi sebutan kalimah susah.
9. cepat dan berkesan.
10. dapat menguasai dengan cepat.
11. belajar cara berkumpulan.
12. mudah, cepat dan senang difahami.
13. dapat baca Quran dengan baik dan mengenali huruf-huruf jawi.
14. cepat menguasai
15. cepat mengenal
16. murid berdisiplin.
17. mudah menyebut huruf dan kalimah yang diperkenal oleh guru.
18. mudah menyebut dan mengingat.
19. kemahiran tidak membebankan dan mempercepatkan proses penguasaan.
20. pengajaran secara berperingkat dari bacaan asas hingga ke tajwid.
21. tidak membazir masa untuk mengeja.
22. ada tanda warna yang membezakan sebutan baris.
23. mudah diajar dan tidak menjemu untuk pelajar lemah.

#### Adakah masa yang diperuntukan memadai?:

1. tidak memadai bagi murid yang lemah. dan memadai bagi murid yang pintar
2. perlu kepada tempoh lebih panjang bagi pelajar yang lemah
3. tidak sempat habiskan keenam buku. 3 buku tahun 1 dan 3 buku tahun 2
4. bilangan pelajar terlalu ramai dalam satu kelas.
5. terdapat sukanan pelajaran yang lain selain dari belajar al-Quran
6. perbezaan tahap dikalangan pelajar.
7. tidak sempat untuk melakukan ulangan bacaan.

8. perlu perhatian lebih kepada pelajar yang lemah.
9. kemahiran perlu diteruskan setiap masa.
10. latar belakang murid berbeza.
11. iqra' hanya diajar 2 kali seminggu
12. sukar memberi tumpuan.
13. pelajar perlu mengulang kaji dirumah.
14. tidak tahu setiap kebolehan dan pencapaian individu.
15. ikut tahap IQ murid.
16. proses P&P tidak dapat dijalankan dengan berkesan.

**Pandangan guru mengenai kaedah Iqra':**

1. murid cepat dapat tapi secara hafal sahaja.
2. sebut huruf tunggal tidak betul.
3. buku 5/6 ayat Quran ditulis bercampur-campur, susah murid nak hafal surah pendek.
4. kaedah baik jika dilaksanakan cara kaedah IQRA' yang sebenar seperti satu guru untuk sepuluh murid.
5. guru diberi kursus cara melaksanakan kaedah tersebut.
6. kaedah amat baik tetapi perlu pengurangan bilangan murid.
7. ada guru pemulihan khas untuk kaedah IQRA'.
8. bentuk kumpulan yang kecil merangkumi 4-5 orang pelajar.
9. pendedahan kepada masyarakat secara meluas melalui media.
10. perlu diseragamkan di semua sekolah seluruh malaysia.
11. perlu masa yang khusus tidak dimasukkan dalam m/pelajaran Pendidikan Islam kerana ia perlu penilaian secara talaqqi.
12. tempat yang sesuai
13. guru mesti didedahkan dengan kursus secara berterusan untuk meningkat cara pengajaran yang baik.
14. perlu digabung jalin dengan kaedah lama.
15. boleh ditingkatkan dengan kerjasama ibu bapa dirumah
16. penambahan buku IQRA' yang lebih menarik dan berwarna serta penggunaan multi media.
17. kesungguhan tenaga pengajar.
18. kaedah yang terbaik dialaf ini dan perlu diberi pendedahan yang meluas.
19. jika diperlakukan sepenuhnya , amat senang dikuasai.
20. ada buku kerja
21. guru perlu pertimbangkan ABM
22. Guru yang mengajar perlu ikhlas dan mempunyai sifat kasih sayang dan amanah ilmu.
23. IQRA' diteruskan mengikut kesesuaian tetapi kaedah Baghdadi tetap diperlukan
24. Perlu dikemaskini terutama potongan ayat yang dikeluarkan.
25. Ia mudah dan cepat tapi bukan untuk murid yang lemah.
26. Susah dikuasai oleh pelajar lemah.